

KESAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PERMAINAN DIGITAL  
TERHADAP PENCAPAIAN DAN PENERIMAAN MURID BAGI TOPIK  
ALATAN JAHITAN

ASANTE A/P SANDERAS Aidar

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Pendidikan (Teknologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia

OGOS 2021

## DEDIKASI

*Dedikasi ini ditujukan khas buat ayah saya yang mengajar saya bahawa pengetahuan yang terbaik adalah pengetahuan yang dipelajari untuk kepentingannya sendiri. Hal ini juga ditujukan kepada ibu saya yang mengajar saya bahawa tugas terbesar sekalipun dapat diselesaikan jika ia dilakukan selangkah demi selangkah.*

*Buat rakan-rakan seperjuangan, serta pensyarah yang sangat dedikasi dan baik hati, Dr. Noor Dayana binti Abd Halim jutaan terima kasih tidak terhingga di atas segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan di sepanjang penghasilan tesis ini.*

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur kepada Tuhan kerana akhirnya saya berjaya menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih dirakamkan kepada pensyarah penyelia, Dr. Noor Dayana binti Abd Halim atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini.

Tidak lupa juga pensyarah-pensyarah dan kakitangan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia yang telah banyak mencurahkan ilmu dan memberi tunjuk ajar, terima kasih atas bantuan yang diberikan.

Tidak ketinggalan juga, penghargaan ini ditujukan kepada emak, ayah, adik-beradik serta rakan-rakan yang telah banyak memberi semangat dan sokongan. Terima kasih atas pengorbanan kalian dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pendapat dan idea-idea yang menyumbang kepada penghasilan laporan kajian ini.

## ABSTRAK

Pembelajaran berasaskan permainan digital merupakan gabungan antara permainan digital dengan proses PdPc. Pembelajaran berasaskan permainan digital adalah salah satu platform yang menjadikan murid lebih kreatif, fokus, lebih minat dalam proses PdPc dan menggalakkan kolaboratif bersama rakan melalui penyelesaian masalah. Oleh itu, kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesan pembelajaran berasaskan permainan digital terhadap pencapaian dan penerimaan murid bagi topik alatan jahitan dengan menggunakan aplikasi “*Treasure Kit*”. Pembelajaran berasaskan permainan digital merusi aplikasi “*Treasure Kit*” telah dibangunkan mengikut ciri permainan yang digariskan oleh Garris, Ahlers dan Diskell (2002) iaitu Penilaian Pengguna (*User Judgement*), Tingkah laku Pengguna (*User Behavior*) dan Maklum Balas (*System Feedback*). Penyelidik telah menggunakan reka bentuk kajian yang berbentuk kuantitatif jenis pra eksperimen dengan dua instrumen bagi mengumpul data untuk kajian ini. Seramai 20 orang responden yang merupakan murid Tahun 5 di sebuah sekolah di daerah Kota Tinggi telah terlibat dalam kajian ini. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan kebetulan (*convenience sampling*) iaitu pemilihan sampel mengikut kehendak ataupun secara mudah. Instrumen yang digunakan adalah ujian pencapaian RBT dan soal selidik penerimaan. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian murid meningkat selepas menggunakan aplikasi “*Treasure Kit*” kerana terdapat perbezaan signifikan antara min bagi markah ujian pra dengan min markah ujian pos untuk ujian pencapaian RBT. Selain itu, penerimaan murid terhadap penerimaan teknologi bagi pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital dan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital bagi mempelajari alatan jahitan dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi juga positif dengan menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital yang menggunakan “*Treasure Kit*” adalah sangat efektif dan mudah difahami. Kesimpulannya, kajian ini dijangka dapat membantu para pendidik bagi melaksanakan PdPc yang berkesan dengan pengintegrasian pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital.

## **ABSTRACT**

Digital game-based is a combination of digital games and the teaching and learning process. Digital game-based learning is one of the platform that makes students more creative, focused, interested and encourages collaboration with peers through problem solving in teaching and learning process. Therefore, the study conducted aims to examine the effects of digital game-based learning on students' achievement and acceptance of the topic of sewing tools by using "Treasure Kit". Digital game-based learning through the "Treasure Kit" application has been developed according to the characteristics of the game outline by Garris, Ahlers and Diskell (2002) namely User Judgement, User Behavior and System Feedback. Researcher have used a pre-experimental type quantitative study design with two instruments to collect data for this study. A total of 20 respondents who are Year 5 students from a primary school in Kota Tinggi district were involved in this study. The sampling method used in this study is convenience sampling which the selection of samples is according to the requirements or simply. The instruments used were RBT achievement test and acceptance questionnaire. Findings of the study showed that students' achievement increased after using the "Treasure Kit" application because there was a significant difference between the mean for pre-test scores and the mean of post-test scores for RBT achievement test. In addition, the level of students' acceptance of technology for digital game-based learning approach to learn sewing tools in the subject RBT is also positive by stating that digital game-based learning approach using "Treasure Kit" is very effective and easy to understand. In conclusion, this study is expected to help educators to implement effective teaching and learning process with the integration of digital game-based learning approaches.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>v</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>vi</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vii</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>viii</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>ix</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>x</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	7
	1.6 Kerangka Konsep	8
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.7.1 Kepada Guru	10
	1.7.2 Kepada Murid	11
	1.8 Skop dan Batasan	11
	1.9 Definisi Operasi	11
	1.9.1 Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital	12
	1.9.2 Penerimaan Teknologi	12
	1.9.3 Pencapaian	12
	1.10 Penutup	13

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>15</b>
2.1	Pengenalan	15
2.2	Pembangunan Pendidikan di Malaysia	15
2.2.1	Pendidikan Abad ke-21	16
2.2.2	Pembelajaran Berasaskan Permainan (PBP)	17
2.2.3	Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital	19
2.2.4	Kajian Lepas Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital	21
2.3	Pengintegrasian Teknologi dalam Pendidikan	23
2.3.1	Objek Pembelajaran Digital (OPD)	23
2.3.2	Kajian Lepas Objek Pembelajaran Digital (OPD)	24
2.4	Penerimaan Teknologi	26
2.4.1	Model Penerimaan Teknologi	27
2.4.2	Kajian Lepas berkaitan Model TAM	28
2.5	Penutup	30
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>31</b>
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Prosedur Kajian	33
3.4	Instrumen Kajian	35
3.4.1	Ujian Pencapaian RBT	36
3.4.2	Borang Soal Selidik Penerimaan	37
3.5	Sampel Kajian	38
3.6	Kajian Rintis	39
3.6.1	Kesahan Instrumen	39
3.6.1.1	Kesahan Ujian Pencapaian RBT	41
3.6.1.2	Kesahan Soal Selidik Penerimaan	42
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	44
3.6.2.1	Kebolehpercayaan Ujian Pencapaian RBT	45
3.6.2.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik Penerimaan	46

3.7	Reka Bentuk Aplikasi “ <i>Treasure Kit</i> ”	47
3.7.1	Kesahan “ <i>Treasure Kit</i> ”	47
3.7.2	Integrasi Ciri Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam “ <i>Treasure Kit</i> ”	48
3.7.2.1	Pertimbangan Pengguna ( <i>User Judgement</i> )	49
3.7.2.2	Tingkah Laku Pengguna ( <i>User Behavior</i> )	50
3.7.2.3	Maklum Balas Sistem ( <i>System Feedback</i> )	51
3.8	Analisa Data	52
3.9	Penutup	53
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>54</b>
4.1	Pengenalan	54
4.2	Analisis Kesan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Mempelajari Komponen Kit Model Dalam Reka Bentuk Dan Teknologi Terhadap Pencapaian Murid.	54
4.2.1	Analisis Deskriptif	55
4.2.2	Analisis Inferensi Ujian Pencapaian RBT	57
4.3	Analisis Soal Selidik Penerimaan	59
4.3.1	Demografi Responden	59
4.3.2	Analisis Penerimaan Teknologi Bagi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital	60
4.3.3	Analisis Penerimaan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Mempelajari Komponen Kit Model Dalam Reka Bentuk Dan Teknologi	62
4.4	Penutup	66
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>67</b>
5.1	Pengenalan	67
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	67
5.2.1	Apakah Kesan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Mempelajari Alatan	



	Jahitan Dalam Subjek Reka Bentuk Dan Teknologi Terhadap Pencapaian Murid?	68
5.2.2	Apakah Penerimaan Murid Terhadap Penerimaan Teknologi Dan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Mempelajari Alatan Jahitan Dalam Subjek Reka Bentuk Dan Teknologi?	69
5.2.2.1	Perbincangan Dapatan Penerimaan Teknologi Bagi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital	70
5.2.2.2	Perbincangan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Mempelajari Alatan Jahitan Dalam Subjek Reka Bentuk Dan Teknologi.	71
5.3	Implikasi Kajian	73
5.4	Cadangan	74
5.5	Limitasi Kajian	75
5.6	Penutup	75
	<b>RUJUKAN</b>	<b>76</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Kajian lepas berkaitan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital	21
Jadual 2.2	Kajian lepas berkaitan Objek Pembelajaran Digital (OPD)	24
Jadual 2.3	Kajian lepas berkaitan TAM	28
Jadual 3.1	Instrumen Kajian	36
Jadual 3.2	Taburan soalan mengikut topik Ujian Pencapaian RBT	37
Jadual 3.3	Taburan item dalam soal selidik	38
Jadual 3.4	Skala Likert 4 mata yang diadaptasi daripada Likert (1932)	38
Jadual 3.5	Kesahan Instrumen	40
Jadual 3.6	Kesahan soalan Ujian Pencapaian RBT daripada pakar	42
Jadual 3.7	Kesahan soal selidik penerimaan	43
Jadual 3.8	Kebolehpercayaan instrumen	45
Jadual 3.9	Kesahan “ <i>Treasure Kit</i> ”	47
Jadual 3.10	Paparan Skrin dan Penerangan bagi ciri penilaian pengguna dalam “ <i>Treasure Kit</i> ”	49
Jadual 3.11	Paparan Skrin dan Penerangan bagi ciri tingkah laku pengguna dalam “ <i>Treasure Kit</i> ”	51
Jadual 3.12	Paparan Skrin dan Penerangan bagi ciri maklum balas sistem dalam “ <i>Treasure Kit</i> ”	52
Jadual 3.13	Analisa Data	52
Jadual 4.1	Analisis statistik Ujian Pencapaian RBT pra dan pos	55
Jadual 4.2	Demografi Responden	59
Jadual 4.3	Analisis Kekerapan Penerimaan Murid terhadap Teknologi	60
Jadual 4.4	Analisis Kekerapan Penerimaan Murid terhadap Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital	63

## SENARAI RAJAH

<b>NO.RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 2.1	Model Asas Penerimaan Teknologi	27
Rajah 3.1	<i>One-Group Pretest/Posttest Design</i>	32
Rajah 3.2	Prosedur Kajian	34
Rajah 3.3	Analisa statistik kebolehpercayaan instrumen Ujian Pencapaian RBT	46
Rajah 3.4	Analisa statistik kebolehpercayaan instrumen soal selidik penerimaan	46
Rajah 4.1	Graf Ujian Pencapaian RBT Pra dan Pos	56
Rajah 4.2	Graf min ujian pra dan min ujian pos	57
Rajah 4.3	Ujian <i>Wicoxon Signed Ranked</i>	58

## SENARAI SINGKATAN

<b>PdPc</b>	-	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
RBT	-	Reka Bentuk dan Teknologi
TAM	-	Technology Acceptance Model
PU	-	Perceived Use
PEOU	-	Perceived Ease of Use
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
PBP	-	Pembelajaran Berasaskan Permainan
OPD	-	Objek Pembelajaran Digital

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Lampiran A</b>	<b>Ulasan dan Cadangan Pakar 1</b>	<b>86</b>
<b>Lampiran B</b>	<b>Ulasan dan Cadangan Pakar 1</b>	<b>90</b>
<b>Lampiran C</b>	<b>Ulasan dan Cadangan Pakar 2</b>	<b>93</b>
<b>Lampiran D</b>	<b>Ulasan dan Cadangan Pakar 1</b>	<b>96</b>
<b>Lampiran E</b>	<b>Ulasan dan Cadangan Pakar 2</b>	<b>99</b>
<b>Lampiran F</b>	<b>Ujian Pencapaian RBT</b>	<b>103</b>
<b>Lampiran G</b>	<b>Soal Selidik Penerimaan</b>	<b>109</b>

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia merupakan aset penting dalam pembangunan dan kemajuan negara. Selain itu, pendidikan berpotensi membentuk seseorang dan juga memperkembangkan kemahiran yang ada pada diri sendiri. Ia juga satu usaha untuk membentuk rakyat Malaysia yang berpengetahuan, berketerampilan dan berkeupayaan untuk memberi sumbangan dalam keharmonian dan keamanan keluarga, masyarakat dan negara. Pendidikan menurut Plato ialah suatu proses membentuk individu yang berakhlak mulia (Mitchell and Lucas, 2020). Menurut Jean Jacques Rousseau (2005) pula, pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan dan bermula dari masa kanak-kanak lagi. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berinisiatif dalam meningkatkan kualiti dalam bidang pendidikan. Dalam proses ini, segala kebolehan semulajadi lahir dengan sendirinya mengikut kehendak dan peraturan semulajadi (Yoon *et al.*, 2012).

Terdapat empat kemahiran umum yang perlu di ada pada setiap rakyat Malaysia bagi menghadapi cabaran globalisasi iaitu, komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti. Penerapan konstruk kemahiran abad ke-21 dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) menjadi faktor asas bagi membentuk persekitaran pembelajaran abad ke-21. Pembelajaran abad ke-21 adalah satu usaha kerajaan untuk memastikan murid yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai ilmu tetapi menguasai kemahiran abad ke-21 dan mengikut peredaran zaman untuk menghadapi cabaran dunia sebenar. Frasa 'Pendidikan Abad ke-21 (PA-21) menjadi dominan hanya pada tahun 2013 apabila ditekankan dalam pengisian transformasi pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Matlamat utama dalam usaha melahirkan generasi alaf baru adalah memberi pendidikan yang

berkualiti dan menjadikan seseorang murid itu cemerlang dalam setiap bidang termasuklah kokurikulum (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Empat kemahiran (4K) berikut merupakan tunjang kepada pembelajaran abad ke-21 iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti. Guru mewakili peranan yang utama bagi merealisasikan misi abad ke-21. Oleh itu, beban kerja guru akan meningkat dengan caranya pelbagaikan kaedah mengajar yang boleh memberi peluang kepada murid untuk mencungkil potensi terhebat mereka. Penggunaan teknologi yang terdapat pada masa kini dapat membantu untuk meningkatkan kemahiran pemikiran kritikal dan kreativiti (Saunders, 2012). Kurikulum berasaskan teknologi dapat memotivasikan murid bagi membuat penyelesaian masalah dan pembelajaran sendiri (Saudelli and Ciampa, 2016). Walaubagaimanapun, aplikasi teknologi sahaja tidak mencukupi kerana seharusnya integrasi teknologi dengan pendekatan yang bersesuaian adalah perlu diaplikasikan. Pendekatan yang kurang sesuai tidak akan memberi manfaat kepada murid, malahnya pendidik sekali.

Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital merupakan pendekatan yang mengintegrasikan teknologi bersama dengan kaedah bermain. Kaedah Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital ini memperkenalkan terutamanya kepada murid kurang memiliki penguasaan pemahaman dan pengetahuan dengan penggunaan kaedah tradisional dan bersifat sehalu. Oleh itu, Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital menjadi satu remedi yang boleh diberi atau diintegrasikan dalam pembelajaran kepada murid yang bergolongan kurang penguasaan pembelajaran (Alsawaier, 2018). Banyak kajian lampau telah membincangkan kesan-kesan positif pembelajaran berasaskan permainan digital dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Hussain *et al.* (2014) menyatakan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital yang menggunakan elemen permainan dapat merangsang dan memberikan motivasi pencapaian objektif kepada pengamalannya agar pengajaran dapat diintegrasikan dalam bentuk permainan. Menurut Smith-Robbins (2011), pendekatan pembelajaran berasaskan permainan mendorong murid untuk sentiasa mencari ilmu bagi memenuhi rasa ingin tahu mereka dan kepuasan diri.

Untuk menentukan kejayaan pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital, penerimaan murid terhadap penggunaan teknologi perlu dikenal pasti. Jika mereka gagal untuk menerima teknologi yang digunakan kepada mereka dalam suasana akademik, mereka juga akan gagal untuk menggunakan pembelajaran berasaskan permainan digital (van Konijnenburg *et al.*, 2018). Jarvis *et al.* (2016) menyatakan bahawa dengan memperkenalkan penggunaan teknologi kepada murid, mereka akan bersikap lebih terbuka terutama dalam pembelajaran dan seterusnya memberi kesan kepada penerimaan murid terhadap teknologi dalam proses PdPc.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Malaysia kini tengah berusaha untuk menjadikan pendidikan Malaysia bertanding setaraf dunia dengan penggunaan teknologi. Mengikut Galbraith and Galbraith (2015), “*technology is the systematic application of scientific or other organised knowledge to practical task*”, yang membawa maksud teknologi adalah keupayaan dalam menggunakan pengetahuan sama ada pengetahuan saintifik atau pengetahuan lain yang tersusun, digunakan secara sistematik sehingga mampu mempamerkan amalan praktikal dalam melaksanakan sesuatu tugas sehingga tugas tersebut mencapai kejayaan. Teknologi mengikut Finn (1960) membawa maksud suatu proses ke arah penyelesaian masalah dengan menggunakan teknik, kaedah, reka bentuk atau alat yang berkesan dan teruji serta penggunaan pengetahuan sains dan lain-lain cabang ilmu untuk menghasilkan tugas pembelajaran yang praktikal.

Pada masa kini, kaedah pengajaran dan pemudahcaraan lebih bermoden apabila berbanding dengan pada masa lalu. Salleh (2007) berpendapat bahawa murid akan memberi lebih fokus kepada kaedah pengajaran yang interaktif dan berteknologi yang mana bukan sahaja berpusatkan guru, malahnya berpusatkan murid sekali. Apabila disebut pengintegrasian teknologi, ia bermaksud pergabungan antara media seperti audio, video, visual dengan pendekatan pengajaran ke arah pencapaian PdPc yang berkesan. Teknologi dalam pendidikan adalah kombinasi antara proses dan alatan yang terlibat untuk menangani keperluan dan masalah pendidikan dengan memberi penekanan kepada aplikasi alat yang terkini iaitu komputer dan teknologi yang berkaitan (Roblyer, 2006).



Terdapat juga beberapa faktor menjadi cabaran kepada pendekatan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan. Dari segi faktor murid, wujudnya perbezaan antara murid daripada pelbagai aspek. Kepandaian dan tahap pembelajaran setiap murid adalah berbeza. Menurut Khairul Yusri (2007), perbezaan individu ini adalah dari segi ketidaksamaan aspek perkembangan secara fizikal, mental, sosial, emosi di kalangan individu. Seterusnya, menurut pandangan Lee and Tiam (2016) perbezaan individu adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan dan perkara ini sering diabaikan apabila manusia mengambil tindakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Jadi, ada murid yang mengalami masalah dalam penggunaan teknologi dari segi tidak mahir menggunakan teknologi. Hal ini kerana, mereka tidak pernah menyentuh atau merasa alatan teknologi sebelum ini. Hal ini juga menyebabkan kesukaran pihak guru untuk menggunakan teknologi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Kebanyakan bahan bantu pengajaran yang digunakan oleh guru dengan pengintegrasian teknologi harus digunakan secara dua hala, iaitu murid juga perlu berinteraksi dengan guru. Tetapi, proses ini akan menghadapi cabaran apabila murid tidak tahu menggunakan alat teknologi. Kebanyakan murid yang tidak pernah menggunakan alat teknologi adalah dari kawasan luar bandar dan pedalaman. Situasi ini akan menyebabkan murid akan ketinggalan kemajuan teknologi dan juga membantutkan pengintegrasian teknologi dalam pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT).

Seterusnya, murid akan berasa bosan sekiranya kandungannya tidak begitu menarik. Kaedah “*Chalk and Talk*” iaitu kaedah tradisional tidak lagi menjadi pilihan murid. Contohnya, bagi mata pelajaran RBT murid dikehendaki memahami nama dan fungsi alatan jahitan. Apabila guru menggunakan kaedah yang sama seperti menggunakan buku teks dan minta murid menghafalkan kandungan, murid tidak dapat mencapainya objektif. Hal ini kerana, aras pembelajaran semua murid tidak sama. Oleh itu, guru haruslah mempelbagaikan kaedah pengajaran mengikut zaman sekarang. Hal ini seperti yang dijelaskan dalam kajian Robiatul A’dawiyah dan Halimah (2010) yang menyatakan bahawa penggunaan alat bantu mengajar yang menarik seperti perisian multimedia iaitu gabungan gambar, teks, muzik dapat memupuk tingkah laku positif dalam diri murid berbanding alat bantu mengajar konvensional yang menggunakan kad bergambar dan buku teks. Tambahan pula, Fauziah Hashim (2002) juga menyokong dengan menyatakan bahawa tahap

pengetahuan dan pemahaman murid tidak akan berkembang jika guru masih menggunakan bahan bantu mengajar yang lama seperti buku teks disebabkan tidak memiliki bahan bantu mengajar yang terkini. Guru hendaklah sentiasa peka terhadap kandungan yang digunakan hendaklah sesuai dan kreatif. Murid akan menjadi aktif apabila mereka melibatkan diri sendiri dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Bagi mengatasi masalah ini, guru boleh mengaplikasikan kaedah pembelajaran berasaskan permainan digital.

Pembelajaran berasaskan permainan digital adalah satu kaedah yang diperkenalkan daripada pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pemudahcaraan. Menurut Tan & Johnston-Wilder (2008) pembelajaran berasaskan permainan merupakan kaedah pembelajaran yang berasaskan permainan dengan cara berpusatkan murid. Daripada pendapat Yilmaz (2008), permainan digital dalam pendidikan ini membantu murid meningkatkan pemahaman dan pengetahuan dalam pembelajaran. Kenyataan ini dapat disokong oleh Connolly & Stansfield (2007) yang mendefinisikan permainan digital untuk pendidikan sebagai “penggunaan komputer berasaskan pendekatan permainan yang bertujuan untuk menyampaikan, menyokong dan meningkatkan pengajaran, pembelajaran, pentaksiran dan penilaian”. Prensky (2003) pula mendefinisikan pembelajaran berasaskan permainan digital sebagai suatu gabungan pembelajaran dan teknologi iaitu permainan komputer. Ia adalah dalam berbentuk pengintegrasian multimedia (seperti video, animasi, audio) permainan komputer dan kandungan pendidikan untuk mencapai hasil pembelajaran dengan mengklasifikasikan cemerlang, baik dan lemah. Permainan digital membangunkan minda melalui meningkatkan tahap pemikiran yang lebih mendalam dan menyediakan suasana pembelajaran yang seronok kepada murid tanpa menjejaskan kepentingan konsep-konsep pembelajaran (Gee, 2003).

Kajian Heinich et al. (2012) yang menyatakan bahawa penggabungan pendidikan dengan permainan digital adalah sangat sesuai dengan berasaskan unsur-unsur yang spesifik bagi pendidikan dan juga pembelajaran berasaskan permainan. Melalui permainan digital yang mengandungi unsur-unsur hiburan dan keseronokan dalam pendidikan merangsang pemikiran murid bagi menyedari bahawa mereka telah menggunakan kemahiran dan kandungan pembelajaran yang dipelajari. Hal yang terkandung dalam penulisan Sayed Yusoff b Syed Hussain, Tan Wee Hoe, (2013)

menyatakan bahawa permainan digital boleh membantu mencapai matlamat pendidikan negara dengan efektif. Dengan menggunakan pendekatan ini, bahawa terdapat banyak masalah yang muncul akibat daripada pembelajaran berasaskan permainan digital. Ianya dari aspek guru dan juga murid. Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, guru perlu memainkan peranan yang penting. Cara mengatasi masalah perlu diambil dan hendaklah diberi perhatian yang teliti.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Tahap kecerdasan yang berbeza antara setiap murid menunjukkan tahap pencapaian yang berbeza. Tahap kecerdasan ini juga memastikan kemahiran murid bagi menggunakan sesuatu bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru. Selain itu, kaedah pengajaran yang tidak aktif iaitu pasif seperti tiada pergerakan, tiada bahan bantu pembelajaran berasaskan teknologi juga membosankan murid. Sehubungan itu, guru haruslah mempelbagaikan kaedah, teknik dan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan dalam mata pelajaran RBT selari dengan peredaran zaman pendidikan sekarang. Perkara ini disokong oleh Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohd Nor (2011) yang berpendapat selaras dengan perkembangan bidang pendidikan dalam zaman teknologi maklumat dan komunikasi, guru-guru perlu kreatif dan berinovasi dalam usaha untuk mendidik murid.

Menurut Mahat et al., (2020), perubahan dan teknik strategi pengajaran dan pembelajaran dalam bahan bantu mengajar (BBM), merupakan salah satu langkah penting dalam penyampaian ilmu yang berkesan. Penggunaan kaedah pembelajaran berasaskan permainan digital dalam PdPc dapat meningkatkan mutu pembelajaran. Hal ini kerana guru bersiap sedia lebih awal bagi menjalankan PdPc lebih lancar. Melalui kaedah ini proses PdPc dapat dijalankan dengan lebih berstruktur kerana murid akan tertarik dengan persembahan yang menarik dan penggunaan yang mudah difahami. Justeru itu, sebagai murid mereka akan sentiasa berminat dengan permainan berbanding aktiviti tiada pergerakan. Oleh itu, pendekatan ini tidak mudah jemu dan bosan kepada murid kerana ianya lebih hebat dari segi persembahan dan penggunaan.

Justeru, kajian ini ingin mengkaji kesan pembelajaran berasaskan permainan digital terhadap pencapaian dan penerimaan murid bagi topik alatan jahitan.

Diharapkan kajian ini dapat memberi impak positif kepada semua pihak termasuk murid dan guru. Selain itu, ini juga diharapkan dapat memberi idea yang lebih kreatif bagi guru merancang pengajaran dan pemudahcaraan yang lebih efektif. Di samping itu, pembelajaran berasaskan permainan digital ini juga dapat membantu murid untuk meningkatkan pencapaian akademik dan melibatkan diri secara sepenuhnya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini mengandungi tiga objektif utama yang ingin dicapai iaitu:

- i. Mereka bentuk pembelajaran berasaskan permainan digital bagi mempelajari alatan jahitan dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi.
- ii. Mengkaji kesan pembelajaran berasaskan permainan digital bagi mempelajari alatan jahitan dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi terhadap pencapaian murid.
- iii. Mengenal pasti penerimaan murid terhadap:
  - a) penerimaan teknologi bagi pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital
  - b) pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital bagi mempelajari alatan jahitan dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi.

#### **1.5 Persoalan Kajian**


Berikut merupakan persoalan-persoalan kajian berdasarkan objektif-objektif kajian di atas:

- i. Apakah kesan pembelajaran berasaskan permainan digital bagi mempelajari alatan jahitan dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi terhadap pencapaian murid?
- ii. Apakah penerimaan murid terhadap:

- a) penerimaan teknologi bagi pendekatan pembelajaran berasaskan permainan digital
- b) pembelajaran berasaskan permainan digital bagi mempelajari alatan jahitan dalam subjek Reka Bentuk dan Teknologi?

### 1.6 Kerangka Konsep

Kerangka konsep memberi gambaran mengenai variable-variable yang akan diteliti. Kerangka konsep memberikan petunjuk kepada peneliti di dalam merumuskan masalah penelitian. Kerangka konsep bagi kajian ini adalah seperti berikut:



## **Permainan Digital: “Treasure Kit”**

“Treasure Kit” untuk kajian ini dibangunkan untuk murid tahun 5 mempelajari topik nama dan fungsi alatan jahitan. Kit ini telah dibangunkan dengan integrasi ciri model Pembelajaran Berasaskan Permainan oleh Garris, Ahlers dan Diskell (2002). Mereka mencadangkan sebuah Model permainan Input-Proses-Hasil mengenai permainan pendidikan untuk menggambarkan proses transformasi dalaman pelajar, apabila permainan diterapkan di proses pembelajaran. Penyelidik memberi perhatian kepada 3 ciri utama dari model permainan tersebut iaitu, *User Judgement* (penilaian pengguna), *User Behavior* (tingkah laku pengguna) dan *System Feedback* (maklum balas sistem).

- i. *User Judgement* adalah penilaian pengguna mengenai adakah permainan tersebut seronok, menarik perhatian dan juga berfaedah. Penilaian ini biasanya diwakili oleh laporan diri mengenai minat dan penglibatan, kesenangan dan penguasaan.
- ii. *User Behavior* merujuk kepada penglibatan diri murid. Penilaian afektif yang terbentuk dari permainan awal dan berterusan permainan menentukan arah, intensiti dan kualiti tingkah laku selanjutnya. Murid yang bermotivasi lebih akan memilih untuk terlibat dalam aktiviti sasaran, mereka meneruskan aktiviti tersebut dengan lebih bersungguh-sungguh, dan mereka bertahan lebih lama dalam aktiviti tersebut daripada murid yang kurang bermotivasi. Penglibatan berterusan adalah tonggak permainan komputer dan melambangkan tingkah laku yang diidamkan oleh pereka instruksional. Iaitu, mereka yang membentuk penilaian pengguna positif lebih aktif terlibat dalam permainan membentuk usaha dan tumpuan yang kuat dan kembali ke permainan tanpa kompromi.
- iii. *System Feedback* merujuk kepada maklum balas. Maklum balas atau pengetahuan tentang hasil sangat penting untuk menyokong prestasi dan motivasi. Penyelidikan menunjukkan bahawa kesan maklum balas terhadap prestasi sangat berubah; dalam beberapa keadaan, maklum balas mungkin meningkatkan prestasi, dan dalam keadaan lain, maklum balas dapat mengurangkan prestasi. Walau bagaimanapun, peranan maklum balas dalam

